

26 OCT 2003

Kayveas-Efisien (Bergambar)

WAKIL RAKYAT TAK EFISIEN KERANA KARENAH BIROKRASI, KATA KAYVEAS

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Wakil-wakil rakyat tidak boleh menjalankan tugas mereka dengan efisien untuk memenuhi tuntutan rakyat kerana karenah birokrasi agensi-agensi kerajaan, kata Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M. Kayveas hari ini.

Beliau berkata pihak berkuasa diamanah untuk menguruskan hal ehwal rakyat tetapi mereka sendiri tidak mesra rakyat.

"Wakil-wakil rakyat sering merasa kecewa kerana tidak dapat berfungsi dengan berkesan. Agensi dan pihak berkuasa khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT), sering dimanja dan dilindungi oleh kerajaan negeri.

"Mereka terlalu bebas bergerak seolah-olah sebagai sebuah koloni dalam kerajaan," katanya pada perhimpunan Agung PPP ke-50 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

"Mereka tidak berfungsi membantu wakil-wakil rakyat yang ingin membela rakyat," kata Kayveas.

Di samping itu, Kayveas juga menyeru kerajaan mengambil langkah untuk menolong warga asing lelaki yang berkahwin dengan wanita tempatan.

"PPP ingin mencadangkan supaya nasib pasangan warga asing yang berkahwin dengan warga Malaysia, serta kedudukan anak-anak mereka diberi perhatian khusus supaya institusi keluarga tidak berpecah kerana undang-undang kita yang kurang mesra terhadap mereka," katanya.

Beliau berkata pada tahun lalu, 45,274 wanita warga asing telah mengahwini lelaki Malaysia.

Katanya mereka yang mempunyai anak warga Malaysia diberi kelonggaran untuk tinggal di negara ini atas budi bicara Pengarah Bahagian Visa Pas dan permit, Jabatan Imigresen Malaysia.

"Bagi lelaki warga asing yang memegang pas lawatan kerja sementara yang berkahwin dengan wanita tempatan dan kemudiannya jika berlaku penceraian, lelaki berkenaan tidak lagi memiliki sebarang keistimewaan kecuali sebagai pelancong biasa," katanya.

Kayveas juga berkata di Sabah terdapat 10,000 anak-anak yang lahir tanpa didaftarkan dan mereka ini merupakan hasil perkahwinan warga tempatan dengan pekerja asing.

"Mereka ini anak-anak tanpa negeri, tanpa negara dan kami berpendapat mereka yang tiada kerakyatan ini bakal menjadi golongan yang akan menimbulkan masalah sosial kelak," katanya.

Oleh itu, katanya kerajaan perlu mengambil langkah realistik dengan menetapkan status mereka sebagai rakyat Malaysia, kata Kayveas.

-- BERNAMA

VP AT KHY LAT